

Penyu tempayan
pertama kali bertelur
di dua pantai di Sepanyol.

(Foto REUTERS)

Penyu tempayan spesies terancam dikesan bertelur di Sepanyol

B4 21/06/23 M/S 30

Madrid: Dua penyu tempayan yang dikategorikan sebagai spesies terancam dikesan, bertelur di dua pantai berasingan di negara ini sejak 72 jam lalu.

Menurut saintis, mereka mengesan penyu terbabit berge-rak lebih jauh ke barat kemung-kinan terkesan perubahan iklim.

Seekor penyu bertelur seba-nyak 80 biji di bandar Denia Sabtu lalu dan seekor lagi bertelur 62 biji di Gandia kelmarin.

Menurut Yayasan Oseano-grafi, kehadiran kedua-dua penyu itu dikesan berada di wilayah timur Valencia.

Kebiasaannya, penyu tempayan bersarang terutamanya di timur Mediterranean seperti di Turkiye, Cyprus dan Greece tetapi selama beberapa tahun dikesan di pantai Sepanyol, Perancis serta Itali yang merekodkan banyak telur.

Faktor penarik

Seorang ahli biologi, Ana Liria, merangkap Ketua ADS Biodive-sidad iaitu sebuah badan amal berpangkalan di Gran Canaria,

berpandangan perairan lebih panas menjadi faktor penarik buat penyu.

Menurut dapatan diterbitkan jurnal saintifik Ekologi dan Konservasi Global musim panas lalu, sejak 2012, bilangan sarang penyu di Perancis, Itali, Sepan-yol dan Tunisia meningkat se-cara mendadak.

Pada 2020, sebanyak 84 sa-rang direkodkan berbanding purata tiga tahun lalu dari 1990 hingga 2012.

Dengan kehadiran penyu di dua pantai berkenaan, pa-sukan penyelamat Yayasan Oceanografik dan saintis dari Universiti Valencia mengurus-kan sarang berkenaan, dengan menjalankan ujian darah dan ultra bunyi serta memasang pe-mancar satelit untuk menjejaki laluan haiwan itu.

Mereka juga meletakkan be-berapa telur dalam inkubator. Jadi apabila penyu itu membe-sar, ia akan menjadi sebahagian daripada program untuk mem-bantu kelangsungan hidup spe-sies berkenaan. REUTERS